

Headline	Bayabusua clarkei tumbuhan unik Malaysia		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	101 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 556
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,667



Bayabusua clarkei tumbuhan unik Malaysia

BAYABUSUA clarkei (King) W J de Wilde, merupakan salah satu genus tumbuhan yang monotypik dan endemik kepada Semenanjung Malaysia, iaitu terdapat hanya satu spesies dalam genus ini dan ia tidak boleh didapati di tempat lain di dunia kecuali di Semenanjung Malaysia.

Tergolong dalam famili *Cucurbitaceae* seperti timun, ia merupakan tumbuhan pemanjat halus dan hampir tiada ciri istimewa kecuali bunganya yang merah gelap dan sangat menarik, di samping buah yang berbentuk loceng serta mempunyai panjang kira-kira satu kaki.

SUMBER PORTAL FRIM

